

05 MAY 1996

Umno-Abdullah

ANGGOTA UMNO TIADA ALASAN UNTUK TOLAK KEPUTUSAN MT

PULAU PINANG, 5 Mei (Bernama) -- Anggota Umno tidak mempunyai alasan untuk menolak keputusan Majlis Tertinggi parti bahawa bahagian-bahagian hanya boleh mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden, kata Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Ini kerana keputusan itu dipersetujui ramai dan disokong sebulat suara pada Perhimpunan Agung Umno tahun lepas, katanya.

"Saya fikir tidak banyak hujah yang boleh diketengahkan oleh anggota parti untuk tidak bersetuju dengan keputusan itu," katanya.

Beliau berkata beliau tidak tahu mengenai ura-ura adanya anggota yang hendak dicalonkan untuk menentang presiden.

Ketika ditemui selepas melancarkan program Gerakan Desa Wawasan di Kampung Sungai Pinang di sini, Abdullah yang juga Menteri Luar berkata, keputusan itu juga dipersetujui sebulat suara oleh anggota Majlis Tertinggi yang menghadiri mesyuarat MT itu semalam.

"Tidak ada suara yang membantah. Keputusan itu dibuat secara bersama selaras dengan perlembagaan Umno sebab ia berasaskan kehendak anggota parti," katanya.

Mesyuarat MT semalam juga memutuskan bahawa pencalonan untuk kedua-dua jawatan itu, selain daripada Dr Mahathir dan Anwar, akan ditolak.

Mengenai keputusan menunda tarikh mula berkempen dari 1 Julai hingga 1 Ogos, Abdullah berkata ia baik kerana bahagian-bahagian boleh meneruskan aktiviti dan tugas mereka dengan tenteram tanpa rasa tertekan.

"Dahulu, bahagian-bahagian merasa tertekan kerana setiap calon yang hendak bertanding akan datang berjumpa ketua bahagian meminta untuk mengatitkan pertemuan antara mereka dan anggota bahagian.

"Selain itu, mereka juga meminta pelbagai bantuan dan sokongan dan ini tentunya mengganggu aktiviti dan tugas bahagian-bahagian terbabit," katanya.

Abdullah berkata, beliau juga telah bertemu banyak ketua bahagian yang menyatakan rasa lega dengan keputusan MT bahawa ketua-ketua bahagian hanya boleh berkempen di bahagian masing-masing. -- BERNAMA

RA NMO